

28 NOV 1996

PELAN: PEMBANGUNAN IKS PENTING BAGI PEMBANGUNAN KELOMPOK PERINDUSTRIAN

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2) akan mengadakan dasar dan program untuk memajukan dan menyatukan seterusnya industri-industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan sebagai hubungan yang penting dan strategik untuk membangunkan serta memperkukuhkan pembentukan kelompok dan juga meningkatkan nilai tambahan tempatan.

Salah satu daripada faktor utama bagi perantaraan yang rendah dan lemah industri-industri sedia ada, ialah ketiadaan penyertaan oleh IKS tempatan sebagai pembekal utama dan pembekal perkhidmatan kepada industri-industri utama, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menyatakan di dalam PIP2 yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Berasaskan kepada keadaan semasa IKS itu, kerajaan akan menubuhkan persekitaran yang perlu dan program-program sokongan bagi IKS untuk melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D), khususnya di dalam program-program peningkatan mutu produk dan sokongan dan juga memupuk IKS yang saling kait mengait di dalam negeri tetapi sebaliknya pula berorientasi global.

Di samping memperkukuhkan asas ekonomi IKS di dalam kelompok-kelompok perindustrian penting, kerajaan akan mempertingkatkan kemudahan sokongan IKS seperti meluaskan kemudahan kemasukan pasaran sambil pada masa yang sama menubuhkan infrastruktur yang perlu seperti taman-taman khas untuk mereka.

Kerajaan juga akan menggalakkan institusi-institusi penyelidikan sektor awam khas dan pelbagai institusi dan universiti teknikal untuk melaksanakan dan memberikan R&D, perkhidmatan kepakaran teknikal dan sokongan kepada IKS.

Strategi penting Perbadanan Kemajuan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) untuk IKS ialah Program Perantaraan Perindustrian (PPP) untuk menyatukan syarikat-syarikat tempatan ke dalam aliran utama sektor perindustrian.

PPP akan cuba membentuk industri-industri sokongan dan pelbagai yang dinamik dan cekap yang penting dalam memupuk perantaraan industri yang lebih kukuh yang pada permulaannya akan menumpukan kepada memajukan peranan IKS di dalam industri-industri yang mempunyai potensi yang terbesar bagi memperteguh perantaraan.

Kelompok perindustrian yang mempunyai potensi terbesar untuk mengembangkan perantaraan adalah dalam industri jentera dan kelengkapan, elektrik dan elektronik, automotif dan motosikal, pengangkutan marin dan keluaran berasaskan kayu.

Dalam kelompok jentera dan kelengkapan tempatan, IKS boleh memainkan peranan untuk membangunkan kelompok itu dengan membekalkan produk-produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pembuatan, pengubah suaian dan senggaraan jentera dan kelengkapan bagi pelbagai industri.

IKS juga akan memainkan peranan yang lebih besar dalam membekalkan komponen dan alat perantaraan dan juga perkhidmatan sokongan yang berkaitan dengan kelompok elektrik dan elektronik.

Kementerian itu menyatakan antara peluang yang boleh diraih oleh IKS di dalam kelompok ini adalah dalam sektor perkakas elektronik, sektor elektronik pengguna, sektor separa konduktor dan komponen, sektor kecil perkakas komputer dan sektor kelengkapan telekomunikasi.

Dalam sektor automotif, IKS boleh membekalkan produk-produk perantaraan

seperti enjin, kelengkapan transmisi, sistem elektrik dan perkhidmatan sokongan bagi pasaran dalam negeri dan juga antarabangsa.

Dalam sektor motosikal pula, terdapat ruang bagi IKS untuk mengeluarkan komponen-komponen perantaraan seperti kerangka bawah, cekam, sistem transmisi dan ceper cekam.

Bagi kelompok pengangkutan marin, IKS akan digalakkan membekal alat-alat dan komponen fizikal dan juga integrasi sistem yang berkaitan dengan industri marin.

Di samping itu, mereka juga digalakkan membekal alat-alat dan perkhidmatan dalam kerangka badan bot, pendayung, aci, pengagihan kuasa dan kelengkapan dalaman.

IKS dalam industri berasaskan kayu harus bersiap sedia pada masa depan untuk bergerak ke arah pengeluaran produk nilai ditambah teknologi tinggi dan sederhana. Produk ini merangkumi kertas khusus, perabot mewah dan produk panel khas. -- BERNAMA

MK OS MA